

Pasukan Khas MCA Adakan Sesi Dialog Seluruh Negara Bagi Transformasi Parti Bernama
19 June, 2013

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Pasukan Khas MCA akan mengadakan sesi dialog secara tertutup bersama anggota parti di seluruh negara bagi melakukan transformasi semula struktur serta menggubal hala tuju baharu parti itu.

Timbalan Presidennya, Datuk Seri Liow Tiong Lai yang mengetuai pasukan khas itu berkata berikutan kekalahan teruk MCA pada pilihan raya umum ke-13 (PRU13), pihaknya merasakan adalah perlu bagi mereka turun padang dan mendengar sendiri pandangan serta cadangan anggota parti di setiap negeri.

"Melalui sesi dialog ini, selain dapat berinteraksi antara pemimpin parti dan anggota, kami juga dapat mengumpul data serta maklum balas berhubung penerimaan masyarakat terhadap parti bagi memudahkan kerja penstrukturan semula parti.

"Kami juga membahagikan kepada beberapa bahagian dalam mentransformasikan parti secara berkesan, antara topik yang akan dibincangkan termasuklah perubahan struktur parti, hala tuju parti selepas PRU13, penerimaan masyarakat Cina serta peranan MCA sebagai parti komponen dalam Barisan Nasional," katanya pada sidang akhbar di Wisma MCA.

Beliau berkata pihaknya juga melantik beberapa pemimpin MCA menganggotai pasukan khas itu bagi membantu kerja merancang dan proses pengumpulan data.

"Antaranya Ketua Pemuda MCA Datuk Wee Ka Siong, Ketua Wanita Datuk Yu Chok Tow, Anggota Jawatankuasa Tertinggi Datuk Hou Kok Chung serta Ketua Biro Profesional Muda MCA Datuk Chua Tee Yong, yang akan turut bersama-sama dalam setiap sesi dialog yang diadakan di seluruh negara," katanya.

Liow berkata dua sesi dialog di peringkat Selangor dan Wilayah Persekutuan telah diadakan pada 17 Jun serta semalam dan mendapat sambutan menggalakkan.

"Ramai anggota yang menyertai sesi dialog itu mengemukakan cadangan yang bernas serta sangat berguna, terutama dari segi hala tuju parti selepas kekalahan teruk pada PRU13," katanya.

Beliau berkata selain menyertai sesi dialog secara tertutup, orang ramai boleh mengemukakan cadangan menerusi e-mel di alamat transform@mca.org.my.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=957187>